

- Adakah anda atau mana-mana ahli keluarga anda mempunyai kencing manis?
- Adakah anda mempunyai darah tinggi?
- Adakah anda menghidapi penyakit buah pinggang, hati atau jantung?
- Adakah anda mempunyai osteoporosis (tulang rapuh/lemah)
- Adakah anda atau mana-mana ahli keluarga anda mempunyai glaukoma?
- Adakah anda ada atau pernah ada ulcer perut?
- Pernah berlaku pada anda reaksi yang tidak baik terhadap steroid seperti lemah otot atau pengubahan suasana fikiran?

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda apa-apa ubat preskripsi dan tanpa preskripsi yang anda sedang ambil. Anda patut juga memberitahu doktor anda jika anda sedang menerima apa-apa pencacaran.

Anda mungkin dapat jangkitan dengan lebih senang semasa rawatan dengan ubat ini. Elakkan tempat yang ramai orang atau mendekati pada orang yang sakit. Elakkan perhubungan yang erat dengan orang yang mengalami demam cacar air, peryakit shingles atau demam campak. Hubungi doktor anda dengan segera jika berlakunya pada anda demam, sakit kerongkong atau tanda jangkitan lain.

#### **Bagaimana saya harus **MENYIMPAN** ubat ini?**

Simpan dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh daripada haba dan cahaya matahari secara langsung.



# Risalah Maklumat Untuk Pesakit



## Oral Kortikosteroid Oral Corticosteroids

Cortisone acetate • Hydrocortisone  
Dexamethasone • Prednisolone • Fludrocortisone

## MENGENAI ubat anda

Ubat ini digunakan untuk melegakan kawasan yang mempunyai radangan pada badan. Ini boleh mengurangkan bengkak, kemerahan, gatal dan reaksi alergi, dan digunakan untuk pelbagai keadaan seperti alergi teruk, masalah kulit, asma, sesetengah jenis arthritis dan penyakit autoimmune (seperti lupus).

Kortikosteroids dihasilkan secara semulajadi oleh badan kita dan mereka diperlukan untuk kesihatan yang baik. Jika badan anda tidak menghasilkan bahan ini dengan mencukupi, doktor anda mungkin akan memberikannya sebagai rawatan penggantian.

Contoh-contoh kortikosteroid oral termasuk cortisone acetate, hydrocortisone, dexamethasone dan prednisolone. Ianya hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor.

## BAGAIMANA cara saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan mengarahkan anda berapa banyak dan berapa kerap anda patut mengambil ubat anda. Doktor akan memberi dos berkesan yang paling rendah kepada anda. Jangan mengambil ubat ini berlebihan atau lebih kerap daripada yang diberitahu oleh doktor anda kerana ini mungkin akan meningkatkan risiko untuk mendapat kesan sampingan. Anda tidak patut berhenti mengambil ubat ini tanpa memeriksa dengan doktor anda dahulu kerana doktor anda mungkin perlu mengurangkan dos secara perlahan-lahan sebelum hentikannya sepenuhnya.

Ambil ubat ini dengan makanan untuk mencegah sakit perut.

## Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda terlupa ambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan teruskan dengan dos yang

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

berikutnya mengikut jadual waktu pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

## Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Minta nasihat doktor anda secepat mungkin jika anda mempunyai salah-satu daripada kesan sampingan berikut:

- Najis yang berdarah, hitam dan melekat
- Penglihatan kabur
- Peningkatan kekerapan membuang air kencing atau dahaga
- Lemah atau kejang otot
- Sakit perut yang teruk

Jika anda mempunyai masalah dengan kesan sampingan yang kurang teruk ini, bincang cengan doktor anda:

- Kekeliruan, kemurungan atau perubahan suasana fikiran
- Penahanan cecair pada badan, berat badan bertambah
- Muka menjadi berkembang atau bulat
- Mual, muntah dan senak perut
- Mudah mendapat lebam

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum anda ambil apa-apa kortikosteroid, sila baca soalan berikut. Jika jawapan anda adalah 'YA' untuk **mana-mana** soalan, anda MESTI memberitahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum ambil ubat ini.

- Adakah anda hamil atau cuba untuk hamil?
- Adakah anda menyusu badan kepada anak?
- Adakah anda alergi terhadap sebarang ubat?
- Adakah anda dirawat untuk sebarang penyakit berjangkit buat masa ini?
- Pernahkah anda menerima rawatan untuk tuberkulosis?
- Adakah anda mempunyai penyakit sawan?

Simpan semua ubat di tempat yang jauh caripada kanak-kanak